

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ZYMAXID™
2. Cara ZYMAXID™ berfungsi
3. Sebelum mengambil ZYMAXID™
4. Cara menggunakan ZYMAXID™
5. Semasa menggunakan ZYMAXID™
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ZYMAXID™
8. Penerangan produk
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh semakan

## 1. Apakah kegunaan ZYMAXID™

ZYMAXID™ adalah ubat titis mata antibiotik dan digunakan untuk rawatan konjunktivitis yang disebabkan oleh bakteria.

## 2. Bagaimana ZYMAXID™ berfungsi

ZYMAXID™ adalah ubat antibakteria yang menyekat replikasi DNA lalu menyebabkan kematian bakteria

## 3. Sebelum mengambil ZYMAXID™

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ZYMAXID™:

- Jika anda terlalu sensitif (alah) kepada *gatifloxacin*, ubat-ubat lain dalam kumpulan *quinolones* atau kepada mana-mana komponen dalam ZYMAXID™ (untuk

senarai lengkap bahan, rujuk kepada seksyen 8 “PENERANGAN PRODUK”).

### Kehamilan dan penyusuan bayi

Jika anda hamil atau menyusu bayi anda, anda tidak patut menggunakan ZYMAXID™.

Adalah tidak diketahui sama ada ZYMAXID™ meresap ke dalam susu badan.

### Kanak-kanak

Jangan gunakan ubat ini ke atas bayi yang berumur kurang daripada 1 tahun.

### Sebelum mula mengambil

*Benzalkonium chloride*: Perhatian khas harus diambil sekiranya anda mempunyai penyakit permukaan mata yang menyeluruh/serius.

Anda tidak patut memakai kanta lekap jika mata anda merah dan semasa menggunakan ZYMAXID™.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Keselamatan penggunaan ZYMAXID™ bersama-sama dengan ubat lain masih belum dipastikan.

Maklumkan doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## 4. Cara menggunakan ZYMAXID™

### Jumlah penggunaan

Dos biasa untuk kanak-kanak

berumur 1 tahun ke atas & dewasa ialah:

Hari Pertama: Titiskan satu titis ke dalam mata(-mata) yang terjejas setiap dua jam dalam keadaan jaga (mata terbuka), dengan kekerapan sehingga 8 kali sehari.

Hari Ke-2 sehingga Hari Ke-7: Titiskan satu titis dengan kekerapan dua hingga empat kali sehari ke dalam mata(-mata) yang terjejas dalam keadaan mata jaga (mata terbuka).

Tiada perubahan dos diperlukan bagi pesakit yang sudah lanjut usia.

Jika anda menggunakan ZYMAXID™ bersama-sama dengan ubat titis mata yang lain, tunggu sekurang-kurangnya 5 minit di antara masa penggunaan ZYMAXID™ dan ubat titis mata yang lain.

Ikut semua arahan yang telah diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Arahan tersebut mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan bantuan.


### Arahan penggunaan

1. Basuh tangan anda sebelum membuka botol. Dongakkan kepala anda ke belakang dan lihat ke arah siling.

2. Tarik kelopak mata bahagian bawah ke bawah dengan perlahan sehingga terbentuk poket kecil.

3. Terbalikkan botol dan picitnya untuk melepaskan satu titis ke dalam setiap mata yang memerlukan rawatan.

4. Lepaskan kelopak mata bawah, dan tutup mata anda selama 30 saat.



Jika tidak berjaya menitisikan ubat ke dalam mata, cuba sekali lagi.

Untuk memastikan ubat bebas kuman sebaik mungkin, elakkan sentuhan hujung aplikator ke atas sebarang permukaan (termasuk mata anda). Pastikan botol ditutup dengan ketat.

Penggunaan yang betul ubat titis mata anda adalah sangat penting. Jika anda mempunyai sebarang soalan, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

#### Bila perlu digunakan

Guna menurut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

#### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan menggunakan ZYMAXID™ selagi mana dicadangkan oleh doktor anda.

#### Jika terlupa menggunakannya

Jika anda terlepas satu dos,

gunakan satu titis tunggal ke dalam setiap mata yang memerlukan rawatan sebaik sahaja anda ingat, dan kemudian kembali ke jadual pengedaran yang biasa anda.

Jangan sesekali menggandakan dos anda bagi menggantikan dos yang telah anda lupa.

Jika sudah hampir masa untuk dos yang berikutnya (mengikut jadual pendosaan ubat anda yang biasa), abaikan dos yang telah anda lupa dan teruskan dengan dos yang telah dijadualkan.

Jika anda terlepas beberapa dos, jumpa doktor anda.

Jika anda menghadapi kesukaran untuk ingat masa untuk menggunakan ubat, rujuk ahli farmasi untuk sedikit petua.

#### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya terlebih dos, jumpa doktor atau ahli farmasi anda. Jika kedua-duanya tidak dapat dihubungi, dapatkan bantuan di hospital atau pusat kawalan racun yang berdekatan.

Mata (-mata) yang terjejas harus dibilas dengan air. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau keraguan, atau tidak pasti mengenai sesuatu, sila berjumpa doktor atau ahli farmasi anda.

#### **5. Semasa menggunakan ZYMAXID™**

##### Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda dengan tepat menurut arahan yang telah diberikan oleh doktor anda.

Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda yang anda sedang menggunakan ZYMAXID™.

Maklumkan doktor anda dengan segera sekiranya anda disahkan hamil sewaktu menggunakan ubat ini.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat melainkan atas nasihat doktor anda.

Jangan mengambil apa-apa ubat baharu tanpa merujuk kepada doktor anda.

Jangan memberikan ZYMAXID™ kepada orang lain, walaupun sekiranya mereka mengalami gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

**Memandu dan mengendalikan mesin:** Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin/ jentera. . Jika ZYMAXID™ membuatkan anda rasa loya, pening atau penat, atau menyebabkan anda sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

**Menggunakan kanta sentuh:** ZYMAXID™ mengandungi benzalkonium klorida sebagai pengawet, yang diketahui akan melunturkan warna kanta sentuh lembut dan boleh menyebabkan kerengsaan mata. Jika anda memakai kanta sentuh

lembut, anda perlu menanggalkannya terlebih dahulu sebelum anda menggunakan ubat titis mata ZYMAXID™ dan tunggu sekurang-kurangnya 15 minit sebelum memakai semula kanta sentuh anda.

## 6. Kesan sampingan

Seperti ubat yang lain, ZYMAXID™ boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Anda mungkin mengalami kesan yang berikut:

Kerengsaan mata, perubahan dalam deria rasa, bengkak pada permukaan mata, permukaan mata berdarah, mata kering, *discharge* (keluaran cecair) mata, kelopak mata bengkak, sakit kepala, mata berair, radang bahagian tengah depan mata, radang permukaan mata, pengurangan daya penglihatan, alahan pada tahap sederhana sehingga serius, bengkak (termasuk bahagian kerongkong, mulut atau muka), tindak balas alahan yang sangat serius yang menyebabkan kulit melepuh dan gatal, kelopak mata yang merah dan gatal, mata merah, sesak nafas, sakit mata, mata gatal, mata bengkak, loya, kegatalan, ruam, ruam kulit yang gatal dan penglihatan kabur.

Kunjungi doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda mengalami mana-mana kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers

Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*)

## 7. Penyimpanan dan pelupusan ZYMAXID™

### Penyimpanan

Simpan jauh daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Jangan menggunakan ZYMAXID™ selepas tarikh luput yang tertera pada label botol dan bahagian bawah karton selepas perkataan EXP.

Simpan pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada disejuk beku. Buang botol 28 hari selepas dibuka.

### Pelupusan

Ubat tidak patut dibuang melalui pembuangan air kumbahan atau sampah domestik (rumah). Tanya ahli farmasi anda mengenai cara membuang ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi persekitaran.

## 8. Penerangan produk

### Rupa dan warna produk

ZYMAXID™ ialah cecair steril, jernih dan berwarna kuning pucat.

ZYMAXID™ dibekalkan secara steril dalam botol plastik bersama penutup jenis skru dalam dua saiz bekalan iaitu 2.5 mL dan 5 mL. Bukan semua saiz pek akan dipasarkan.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: Gatifloxacin  
5 mg/mL

Bahan tidak aktif: benzalkonium chloride, edetate disodium, sodium chloride, sodium hydroxide dan/atau hydrochloric acid (untuk menyesuaikan pH) dan air tulen.

### Nombor MAL

MAL15045158ARZ

## 9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

### Pengilang

Allergan Sales, LLC  
8301 Mars Drive,  
Waco, Texas 76712, U.S.A.

### Pemegang pendaftaran produk

ABBVIE SDN BHD  
9th Floor Menara Lien Hoe  
No.8, Persiaran Tropicana  
Tropicana Golf & Country Resort  
47410 Petaling Jaya Selangor,  
Malaysia

## 10. Tarikh semakan

05/01/2024

### **Nombor Siri**

NPRA (R1/2) 03012024 / 003